

**KENYATAAN SEBUT HARGA  
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK) di Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang sahaja** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>PERDA/BHT/S/2/2024</b>
(ii)	<b>TAJUK SEBUTHARGA</b>	<b>PROJEK NAIK TARAF INFRASTRUKTUR PERTANIAN PERDA DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN PERTANIAN MAYFIELD, TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</b>
(iii)	<b>KELAYAKAN</b>	<b>Gred G1 : Kategori CE:- Pengkhususan CE01</b>
(iv)	<b>TARIKH LAWATAN TAPAK DAN MASA</b>	<b>28 Februari 2024 (Rabu) Jam 10.00 Pagi</b>
(v)	<b>TARIKH &amp; MASA MUAT TURUN DOKUMEN SEBUT HARGA</b>	<b>29 Februari 2024 (Khamis, 10.00 pagi) hingga 5 Mac 2024 (Selasa, 5.00 petang)</b>
(vi)	<b>TARIKH TUTUP SEBUTHARGA</b>	<b>7 Mac 2024 (Khamis) pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</b>

2. Kontraktor adalah **WAJIB** mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) pada bila-bila masa **sebelum** menyertai sebarang sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Lawatan tapak dan taklimat adalah **WAJIB**. Kontraktor dikehendaki berkumpul dan mendaftar di perkarangan **Pejabat Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Jabatan Pertanian, Ara Kuda, Tasek Gelugor** pada **28 Februari 2024, jam 10.00 pagi** dengan membawa **Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK)** yang masih sah. **Hanya Pemilik / Penama dalam Sijil sahaja yang dibenarkan membuat pendaftaran semasa lawatan tapak ini.** Kontraktor yang hadir, mendaftar lawatan tapak serta memenuhi syarat-syarat kelayakan sahaja yang boleh memuat turun dan mencetak sendiri kesemua **DOKUMEN SEBUTHARGA** dan **lain-lain Lampiran (jika ada)** di dalam laman sesawang [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) bermula dari tarikh **29 Februari 2024 (10.00 pagi)** hingga **5 Mac 2024 (5.00 petang)**. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuat turun dan dihantar adalah seperti berikut:

- i. Dokumen Sebutharga
- ii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **7 Mac 2024 (Khamis) jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.**

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.